

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7

Syor tubuh sekretariat tetap pantau, rekod resolusi

## Syor tubuh sekretariat tetap pantau, rekod resolusi



Langkah elak agenda tidak bertindan dengan agensi kerajaan

Oleh Sariha Mohd Ali dan Saadiah Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penubuhan sekretariat tetap untuk memantau, merekod dan menilai pelaksanaan setiap resolusi yang diluluskan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) adalah antara cadangan yang dibangkitkan akar umbi untuk dibincangkan dalam kongres itu.

Ini bukan sahaja bagi memastikan pelaksanaan setiap resolusi yang diputuskan pada kongres itu dapat dipantau dan ada kesinambungan, juga untuk memastikan setiap agenda dilakukan tidak bertindan dengan pelbagai agensi kerajaan lain.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata cadangan sekretariat itu diletakkan di bawah Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) disifatkan penting kerana ia dapat mewujudkan keselarasan, sekali gus bagi mengelak kerenah birokrasi dengan setiap resolusi dapat dinilai serta diukur keberkesanannya dalam mengangkat agenda Bumiputera.

Beliau berkata, pihaknya mengadakan sesi libat urus selama tiga bulan membabitkan penyertaan ribuan pemimpin akar um-



Persiapan Kongres Ekonomi Bumiputera di PICC, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

bi, termasuk ketua kampung yang terlibat secara langsung dalam sektor industri, ilmu dan akademik bagi mendapat input dan pendapat mereka.

"Kita nak pastikan keterangan semua pihak daripada akar umbi dalam KEB 2024 ini supaya dapat disantuni pemikiran mereka dan resolusi yang tercetus nanti dapat dilaksanakan kerajaan.

"Jadi, kita mengadakan sesi

libat urus di seluruh negara membabitkan penyertaan akar umbi yang menyuarakan pendapat dan pandangan berhubung isu membabitkan Bumiputera untuk diketengahkan pada KEB 2024.

"Antara cadangan dikemukakan ialah menjadikan MARA sebagai sekretariat tetap untuk memantau, melaksanakan dan menilai pencapaian Bumiputera selepas KEB 2024 kerana MARA

memiliki struktur lengkap tanpa perlu mewujudkan agensi baharu untuk memikul tanggungjawab itu," katanya kepada BH.

### Perluas agihan ekonomi

KEB 2024 berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) bertujuan memperluas agihan ekonomi dan mengembangkan ekonomi Bumiputera selaras dengan kerangka ekonomi MADANI.

Selain Bumiputera, KEB 2024 menyasarkan penyertaan 3,000 orang termasuk wakil daripada dewan perniagaan Cina, India, Kadazan, Dusun, Iban dan Dayak serta masyarakat Orang Asli.

Untuk rekod, KEB pertama diadakan pada 1965 dan kedua pada 1968 yang dianjurkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ketika itu.

KEB 2024 dianjurkan bersama oleh MARA di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta Kementerian Ekonomi.

Asyraf Wajdi bimbang jika sekretariat itu diletakkan di mana-mana kementerian, ia boleh berubah pada bila-bila masa mengikut perubahan kepimpinan yang mungkin berlaku, sekali gus menjadikan usaha untuk memantau, menilai dan mengukur keberkesanan pelaksanaan agenda KEB gagal dilakukan.

Beliau berkata, ramai pihak sebelum ini mempertikaikan penganjaran KEB dan sinis terhadap usaha kerajaan kerana tiada hasil konkrit dilihat selepas itu membabitkan kemajuan Bumiputera.

"Jadi untuk menangani suara sinis itu yang bagi saya adalah konstruktif, sekretariat tetap itu perlu.

"Sebenarnya banyak kejayaan ekonomi Bumiputera sudah dicapai, contohnya dalam konteks MARA seramai 1.17 juta alumni MARA dilahirkan dalam bidang profesional, selain lebih 1.19 juta usahawan.

"Jadi, bila ada sekretariat ini, MARA boleh ceritakan setiap isu yang dibawa kepada MEB yang di dalamnya ada semua kementerian," katanya.